



22 Jun 2026
22 June 2026
P.U. (A) 228

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) (PINDAAN) 2026

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 3) (AMENDMENT) ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri Kerja Raya, setelah memberikan pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 3) (Pindaan) 2026**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 23 Jun 2026.

Perenggan baharu 3

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 3) 2025 [P.U. (A) 55/2025], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

"Pengecualian

3. Pengecualian daripada larangan itu hendaklah diberikan bagi maksud dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga."

Jadual baharu Ketiga

3. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

PENGECUALIAN

1. Bagi maksud penyelenggaraan, pembaikan, peningkatan, pembersihan dan pemugaran bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
2. Bagi maksud pemacakan, pemasangan, penyelenggaraan, pengubahan atau pengalihan mana-mana struktur, kerja, peralatan atau apa-apa benda di dalam, pada, di bawah atau di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
3. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang mempunyai lambang rasmi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia yang dilekatkan pada badan kenderaan itu.
4. Bagi maksud perkhidmatan kecemasan dan penguatkuasaan oleh agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.”.

Dibuat 22 Jun 2026
[KKR.100-1/2/79 Jld.10; PN(PU2)460/JLD.142]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 3) (AMENDMENT) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister of Works, after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Prohibition of Use of Road) (Federal Roads) (No. 3) (Amendment) Order 2026**.

(2) This Order comes into operation on 23 June 2026.

New paragraph 3

2. The Road Transport (Prohibition of Use of Road) (Federal Roads) (No. 3) Order 2025 [P.U. (A) 55/2025], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended by inserting after paragraph 2 the following paragraph:

“Exemption

3. Exemption from such prohibition shall be given for the purposes and in circumstances specified in the Third Schedule.”.

New Third Schedule

3. The principal Order is amended by inserting after the Second Schedule the following schedule:

“THIRD SCHEDULE

EXEMPTION

1. For the purposes of maintenance, repair, improvement, cleaning and clearance of the part of road specified in column (1) of the First Schedule.
2. For the purposes of erection, installation, maintenance, alteration or removal of any structure, works, apparatus or any thing in, on, under or over the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
3. Any Government vehicle bearing the official emblem of the Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN) Peninsular Malaysia affixed on the vehicle's body.
4. For the purposes of emergency services and enforcement by the Government agencies and local authorities.”.

Made 22 June 2026

[KKR.100-1/2/79]ld.11; PN(PU2)460/JLD.142]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works